

16.6.2026

Siaran Media 3: Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ke-26 PBA Holdings Bhd (PBAHB)

DATO' IR. PATHMANATHAN K.,
CEO, PBAHB dan PBAPP.

MASA DEPAN PULAU PINANG YANG LEBIH GEMILANG TIDAK BOLEH DIKOMPROMI AKIBAT KEKURANGAN AIR

PULAU PINANG, Selasa, 16.6.2026: Trajektori pertumbuhan sosioekonomi Pulau Pinang menuju tahun 2032 tidak boleh dikompromi, terbantut atau tertanggung akibat bekalan air yang tidak mencukupi.

Sehubungan itu, PBAPP dan Kerajaan Persekutuan komited sepenuhnya untuk menyiapkan 12 projek air utama menjelang tahun 2031 bagi memenuhi unjuran peningkatan penggunaan air di Pulau Pinang sebanyak 34.3% (atau lebih).

Pada tahun 2025, penggunaan air di Pulau Pinang adalah sebanyak 865 juta liter sehari (JLH). Jumlah ini dijangka meningkat kepada 1,162 JLH (atau lebih) menjelang tahun 2032, didorong oleh perkembangan sosioekonomi utama berikut:

- Projek pembesaran dan pembukaan kilang (oleh Intel, Osram, Siliconware Precision dan Western Digital);
- Projek pembangunan hartanah berskala besar yang sedang dilaksanakan, (termasuk Andaman Island, Penang International Commercial City, The Dew dan The Skyline di Paya Terubong);
- Permulaan kerja-kerja Batu Kawan Industrial Park 3 (BKIP3), pembinaan 5,000 unit rumah baharu oleh PERDA di Seberang Perai Utara (SPU), pembangunan Linear Waterfront oleh PDC di Bayan Lepas, Silicon Island A serta sekurang-kurangnya enam projek pembangunan hartanah lain di Seberang Perai.

TINDAKAN PBAPP

Sebagai respons terhadap peningkatan penggunaan air yang dijangka berlaku di Pulau Pinang, PBAPP sedang melaksanakan enam projek di bawah Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030) yang dijadualkan siap menjelang tahun 2031:

1. Loji Rawatan Air (LRA) Taman Mengkuang berkapasiti 114 JLH di Seberang Perai Tengah (SPT), dijadualkan siap menjelang akhir tahun 2026.

2. LRA Sungai Kerian berkapasiti 114 JLH di Seberang Perai Selatan (SPS), dijadualkan siap menjelang tahun 2030.
3. Skim Bekalan Air Sungai Perai berkapasiti 136 JLH di SPT, dijadualkan siap menjelang tahun 2031.
4. LRA Sungai Muda berkapasiti 114 JLH di Seberang Perai Utara (SPU), dijadualkan siap menjelang tahun 2031.

Keempat-empat projek LRA ini bertujuan meningkatkan kapasiti reka bentuk maksimum rawatan air PBAPP sebanyak 478 JLH serta mengurangkan kebergantungan Seberang Perai kepada bekalan air terawat dari LRA Sungai Dua.

Baki dua lagi projek WCP 2030 melibatkan pemasangan saluran paip utama air terawat:

5. Saluran paip air terawat berdiameter 1.8 meter sepanjang 13.0 kilometer dari LRA Sungai Dua yang berkapasiti 1,342 JLH ke titik sambungan Butterworth bagi Projek Paip Berkembar Dasar Laut Pulau Pinang Ketiga (PTSP ke-3).
6. Saluran paip air terawat berdiameter 1.8 meter sepanjang 3.9 kilometer dari titik pendaratan PTSP ke-3 di kawasan Macallum ke Kompleks Kolam air dan Stesen Pam Bukit Dumbar.

Saluran paip ini akan membolehkan PBAPP menyalurkan sehingga 600 JLH air terawat dari Sungai Dua ke Pulau Pinang menjelang tahun 2030, berbanding 400 JLH ketika ini.

7. Selain projek-projek WCP 2030 ini, PBAPP turut melantik sebuah syarikat untuk membina dan mengoperasikan sebuah lagi LRA tambahan di Sungai Kerian.

LRA “tambahan” berkapasiti 80 JLH ini sedang dibangunkan secara bina-kendali-pindah (BOT) bagi membekalkan lebih banyak air terawat di SPS menjelang tahun 2027.

Sokongan Kerajaan Persekutuan

Kerajaan Persekutuan, melalui Bahagian Bekalan Air di bawah Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), turut komited untuk menyiapkan projek-projek bekalan air berikut dalam tempoh 2027 hingga 2029:

8. Pembinaan sebuah empangan baharu di Sungai Muda, Rantau Panjang, SPU bagi memudahkan abstraksi air mentah dari sungai secara lebih efektif dan efisien setiap hari.

9. Projek-projek di bawah Pelan Pembesaran Empangan Mengkuang di SPU, termasuk Rumah Pam Air Mentah Lahar Yooi berkapasiti 440 JLH untuk mempercepatkan pengisian semula Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD) ketika musim hujan, serta saluran paip aliran dua hala baharu berkapasiti 400 JLH untuk meningkatkan kapasiti pelepasan maksimum EMD daripada 600 JLH kepada 1,000 JLH ketika musim kering dan situasi kecemasan.
10. Projek sumber air mentah di Sungai Kerian (SPS) yang berkaitan dengan pembesaran Empangan Bukit Panchor dan pelaksanaan Skim Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS).
11. Kerja-kerja muka sauk di Titi Kerawang dan Teluk Awak, Teluk Bahang bagi meningkatkan perkhidmatan bekalan air di Daerah Barat Daya (DBD) di bahagian pulau.
12. Kajian komprehensif mengenai sumber air mentah untuk bekalan air di Negeri Pulau Pinang sebagai rujukan terkini bagi projek-projek bekalan air pada masa hadapan.

Jumlah Pelaburan Bekalan Air: RM2.9 Bilion

Anggaran pelaburan bagi enam projek WCP 2030 yang masih berbaki ialah RM2.098 bilion. Projek LRA 80 JLH di Sungai Kerian dilaksanakan secara BOT, manakala nilai lima projek Kerajaan Persekutuan dianggarkan berjumlah RM838 juta.

Secara keseluruhannya, 12 projek air ini mewakili jumlah pelaburan kira-kira RM2.9 bilion dalam tempoh lima tahun. Pelaburan bernilai berbilion ringgit ini mencerminkan komitmen kukuh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP untuk memastikan kecukupan bekalan air di Pulau Pinang dalam dekad 2030-an.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
E-mel : comms@pba.com.my